

Pelan yang boleh dipercayai untuk perkara yang tidak dijangka

- ✓ Penyertaan terjamin untuk umur 18-70
- ✓ Premium bulanan tetap yang tidak meningkat mengikut umur
- ✓ Manfaat dibayar terus kepada anda atau ahli keluarga dan bebas dari cukai
- ✓ Tiada pemeriksaan kesihatan



Apa yang termasuk dalam Pelan Kemalangan Peribadi ini?

Benefit		Basic	Supreme	Premier
Utama	Kematian akibat Kemalangan	100,000	200,000	300,000
	Hilang Upaya Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan (Dipercepatkan)	50,000	100,000	150,000
	Perbelanjaan Pengubatan untuk Kematian akibat Kemalangan	5,000	10,000	15,000
		Peningkatan 10% dalam jumlah perlindungan untuk setiap tahun perlindungan yang lengkap sehingga 5 tahun		
Tambahan (pilihan)	Kematian akibat Kemalangan Ketika Menaiki Pengangkutan Awam	50,000	100,000	150,000
	Tunai Kecemasan untuk Kemasukan ke Hospital akibat Kemalangan	250	500	750
	Kemasukan ke Hospital akibat Kecurian dan Ragut	500	1,000	1,500
	ICU akibat Daripada Kemalangan	5,000	10,000	15,000

Semua jumlah adalah dalam Ringgit Malaysia (RM)

Apakah yang dilindungi dengan pembayaran Manfaat Utama?

Kematian akibat Kemalangan

Sehingga RM300,000 dalam bentuk tunai sekaligus sekiranya perkara berikut berlaku dalam tempoh 12 bulan selepas kemalangan:

- Anda meninggal dunia akibat kemalangan tersebut

Hilang Upaya Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan (Dipercepatkan)

Sehingga RM150,000 dalam bentuk tunai sekaligus boleh dibayar sebagai bayaran awal sebahagian daripada Manfaat Kematian Akibat Kemalangan sekiranya perkara berikut berlaku dalam tempoh 12 bulan selepas kemalangan:

- Anda mengalami hilang upaya kekal menyeluruh dan tidak mampu bekerja atau menjana pendapatan sekurang-kurangnya 6 bulan
- Anda mengalami kehilangan penglihatan pada kedua-dua mata
- Anda mengalami pemotongan dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali
- Anda mengalami kehilangan penglihatan pada satu mata dan pemotongan satu anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali

Perbelanjaan Pengubatan untuk Kematian Akibat Kemalangan

Sehingga RM15,000 dalam bentuk tunai sekaligus dibayar kepada keluarga anda jika:

- Anda meninggal dunia akibat kemalangan

Bonus Pembaharuan

- Peningkatan 10% dalam jumlah perlindungan untuk setiap tahun perlindungan yang lengkap sehingga 5 tahun
- Perubahan jumlah perlindungan bagi pasangan atau anak yang diinsuranskan akan mengikuti perubahan jumlah perlindungan bagi individu utama secara seiring

Jika saya menambah pelan saya dengan beberapa pembayaran tunai tambahan, apakah yang termasuk di dalamnya?



Kematian akibat Kemalangan Ketika Menaiki Pengangkutan Awam

Sehingga RM150,000 Keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini jika:

- Anda meninggal dunia akibat kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam sebagai penumpang yang membayar tambang.



ICU akibat Daripada Kemalangan

Sehingga RM15,000 Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini jika:

- Anda dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) akibat kemalangan.



Kecurian & Ragut

Sehingga RM1,500 Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini jika:

- Anda dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam berdaftar akibat Kecurian & Ragut.
- Kecurian atau ragut tersebut mesti dilaporkan kepada pihak polis dengan segera, dan dalam apa jua keadaan tidak melebihi dua puluh empat (24) jam selepas dimasukkan ke hospital.
- Kejadian tersebut dan tuntutan mesti disokong oleh laporan polis yang berkaitan dan borang pelepasan hospital.



Tunai Kecemasan

Sehingga RM750 Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini jika:

- Anda dimasukkan ke hospital sebagai pesakit rawat inap dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas kemalangan.

Apa lagi yang perlu saya tahu tentang ezSmartPro?

- Anda dan pasangan boleh mendaftar sekiranya anda berdua berumur di antara 18 – 70.
- Jumlah bayaran dari manfaat untuk anak-anak adalah 50% daripada jumlah yang dibayar kepada orang dewasa dan anak-anak tidak dilindungi untuk Hilang Upaya Kekal Menyeluruh
- Anak mesti berumur di antara 6 bulan sehingga 23 tahun dan masih di bawah tanggungan pemegang Polisi. Tiada had untuk bilangan anak yang boleh dilindungi
- Jika anda mendaftar dalam ezSihat, anda boleh membatalkan dengan memulangkan Polisi kepada ezInsurance dalam tempoh 14 hari selepas menerimanya dan sebarang Premium yang telah dibayar oleh anda akan dipulangkan. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan selepas 14 hari dari tarikh penerimaan Polisi, sebarang premium yang telah dibayar tidak akan dipulangkan.
- Pembaharuan ezSihat adalah terjamin, selagi premium dibayar, sehingga umur 75 tahun dimana pelan ini akan ditamatkan
- ezSmartPro akan ditamatkan sebaik sahaja Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dibayar.
- ezSihat diunderait oleh Pacific & Orient Insurance Co Berhad

Apa yang tidak dilindungi dibawah ezSmartPro?

ezSmartPro mempunyai pengecualian yang merangkumi aktiviti yang dilarang, keadaan fizikal tertentu, kecuaiian, penyakit sedia ada, pekerjaan tertentu, dan beberapa keadaan lain.

Sila rujuk Polisi Induk ezSihat untuk senarai penuh pengecualian, definisi dan syarat, atau hubungi kami di **1300 82 0011** jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

